

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PEPERIKSAAN SEMESTER I
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

PPG 332 - KOMPUTER DAN PENDIDIKAN

(Masa: 1 Jam)

ARAHAN

Kertas soalan ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A (40 markah)

Mengandungi 30 soalan objektif. Anda dikehendaki menjawab kesemua 30 soalan dengan menandakan jawapan anda dalam kertas jawapan komputer (OMR) yang disediakan. Anda dikehendaki menggunakan pensil 2B bagi menghitamkan jawapan yang betul sahaja. Sila tuliskan angka giliran anda dengan jelas di atas kertas OMR tersebut.

Kertas soalan ini akan dikutip 30 minit selepas peperiksaan dimulakan.

Bahagian B (60 markah)

Mengandungi dua (2) soalan esei. Anda dikehendaki menjawab mana-mana **satu** (1) soalan dalam bahagian ini.

...2/-

BAHAGIAN A (SOALAN OBJEKTIF)

Masa : 30 minit

PERHATIAN : Kertas soalan ini akan dikutip 30 minit selepas peperiksaan dijalankan.

- 1 Perbezaan utama dalam PBK tutorial jika dibandingkan dengan PBK latih tubi ialah
 - A. memberi maklumbalas dengan serta merta
 - B. menilai maklumbalas pelajar
 - C. menanyakan soalan
 - D. memberi maklumat dalam petikan-petikan kecil

- 2 Manakah di antara adegan-adegan pengajaran Gagne yang tidak digunakan semasa mereka cipta PBK mod latih tubi.
 - A. mendapatkan perhatian
 - B. menyampaikan objektif
 - C. menyampaikan senario
 - D. memberikan maklumbalas

- 3 Yang manakah di antara perintah Windows 95 digunakan untuk menyediakan sektor-sektor dalam cakera liut baru supaya boleh digunakan untuk menyimpan data?
 - A. Install
 - B. New
 - C. Setup
 - D. Format

- 4 Yang manakah di antara tindakan berikut **bukan** amalan yang betul untuk melindungi perisian anda dari jangkitan virus?
 - A. Selalu tutupkan tab melindung tulis pada cakera liut
 - B. Untuk sistem tanpa cakera keras, but dengan cakera liut DOS yang dilindung tulis yang sama
 - C. Selalu menyimpan data dalam cakera liut yang mengandungi program sistem
 - D. Selalu menyalin cakera bantu

...3/-

5. Berikut ialah contoh-contoh perisian penggunaan **kecuali**
- A. Access
 - B. Freelance Graphics
 - C. Powerpoint
 - D. Visual Basic
6. Berikut ialah kaedah yang digunakan dalam PBK **kecuali**
- A. Latih tubi
 - B. Tutorial
 - C. Permainan
 - D. Menulis aturcara program
7. Jumlah data yang dapat disimpan pada cakera liut 3.5 inci berkeupayaan tinggi ialah
- A. 360 KB
 - B. 1.2 GB
 - C. 1.2 MB
 - D. 1.44 MB
8. Secara analogi otak, telinga dan tangan manusia masing-masing boleh disamakan dengan tiga komponen komputer iaitu
- A. unit input, pemprosesan dan output
 - B. unit output, input dan pemprosesan
 - C. unit pemprosesan, output dan input
 - D. unit pemprosesan, input dan output
9. Antara pernyataan berikut yang manakah **tidak benar** mengenai masalah Y2K
- A. masalah komputer yang hanya membaca dua digit terakhir
 - B. kebanyakan komputer tidak akan menghadapi masalah Y2K
 - C. tahun 2000 akan dikenali sebagai 1900
 - D. ketidakupayaan komputer mengenali tarikh 1 Januari 2000
10. Ahmad sedang menggunakan sebuah komputer yang pameran beberapa soalan mengenai sesuatu topik matematik. Setiap jawapan yang dipilih oleh Ahmad diberikan respon oleh komputer. Sebutkan mod pembelajaran berbantuan komputer ini
- A. Simulasi
 - B. Latih Tubi
 - C. Tutorial
 - D. Permainan

11. Komputer boleh membantu guru dalam tugas harian di sekolah **kecuali**
- A. membantu guru dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran pelajar
 - B. membebaskan guru daripada segala tugas berat yang berkaitan dengan pentadbiran pemarkahan
 - C. mempercepatkan kerja penyediaan nota dan soalan ujian.
 - D. membantu simulasikan kesemua eksperimen sains
12. Berikut ialah matlamat utama sekolah bestari **kecuali**
- A. pendemokrasian pendidikan
 - B. penekanan kepada aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani
 - C. meningkatkan penglibatan pelanggan
 - D. pengambilkira keupayaan kumpulan
13. Setiap pelajar Sekolah Bestari diwajibkan menandatangani “Perakuan Tanggungjawab Pengguna” sebelum mereka boleh menggunakan kemudahan sekolah.
- Antara pernyataan berikut yang manakah **tidak benar** mengenai “Perakuan Tanggungjawab Pengguna” ?
- I Sayang semua kemudahan dan peralatan yang disediakan
 - II Menyedari bahawa kemudahan-kemudahan komputer dibiayai oleh wang masyarakat
 - III Mengawal keselamatan komputer
 - IV Menggunakan kemudahan komputer semata-mata untuk tujuan penyelidikan sahaja
- A. I, II dan III
 - B. I, III dan IV
 - C. II dan IV
 - D. IV sahaja
14. Fungsi cip mikropemproses yang digunakan dalam Unit Pemprosesan Pusat pada komputer peribadi adalah...
- I melakukan fungsi aritmetik logik dan kawalan
 - II melakukan fungsi aritmetik sahaja
 - III menyimpan data secara kekal
 - IV melakukan fungsi storan utama
- A. I sahaja
 - B. II dan III
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

15. Kelebihan sistem PBK multimedia jika dibandingkan dengan cara pengajaran tradisional ialah
- I Cara penyampaian pembelajaran dipelbagaikan
 - II Beban kerja pelajar diringankan
 - III Pembelajaran menjadi lebih interaktif
 - IV Pelajar-pelajar belajar mengikut kadar sendiri
- A. III sahaja
 - B. I dan III
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
16. Keahlian 'Briged Siber' adalah terbuka kepada pelajar Sekolah Bestari sahaja. Apakah tugas dan tanggungjawab kumpulan 'Briged Siber'?
- I Membantu melatih guru dan pelajar mengenai penggunaan IT
 - II Membantu guru menyediakan bahan-bahan persembahan multimedia
 - III Membantu mengesan sebarang kerosakan komputer
 - IV Membantu dalam kerja-kerja penyelenggaraan komputer yang mudah dan tidak membahayakan
- A. III sahaja
 - B. III dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
17. Program Windows 95 mengandungi fail-fail aturcara yang dapat mengawal dan mengendalikan sistem sebuah komputer peribadi. Antara berikut yang manakah merupakan peranan Windows 95?
- I Memberitahu komputer cara memuatkan data daripada cakera kepada unit pemprosesan pusat
 - II Menyimpan data di dalam cakera liut
 - III Menerima arahan daripada papan kekunci dan tetikus
 - IV Memindahkan data kepada monitor dan pencetak
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

18. Mel elektronik (E-mel) merupakan mel yang dihantar secara elektronik melalui komputer. Pilih pernyataan-pernyataan yang **benar** mengenai E-mel.
- I E-mel memerlukan alamat pengirim dan alamat penerima
 - II Penghantaran E-mel adalah lebih pantas dan murah
 - III Pengguna boleh menghantar salinan dan menyertakan lampiran
 - IV Satu contoh perisian E-mel ialah Eudora
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
19. Apakah langkah yang boleh digunakan untuk melancarkan program 'Calculator' dalam Sistem pengoperasian Windows 95 ?
- I Butang 'Start' – 'Run'
 - II Butang 'Start' – 'Find'
 - III 'Windows Explorer'
 - IV Butang 'Start' – 'Document'
- A. II dan IV
 - B. I, III dan IV
 - C. I dan III
 - D. I, II, III dan IV
20. Pernyataan yang manakah **benar** tentang PBK ?
- I Latih tubi dapat membantu pelajar mempelajari konsep abstrak dengan lebih mudah
 - II Latih tubi biasanya digunakan untuk menyampaikan bahan baru
 - III Permainan mengurangkan ketakutan pelajar kepada komputer
 - IV Simulasi menggalakkan pembelajaran induktif
- A. I, II, III dan IV
 - B. I dan II
 - C. III sahaja
 - D. III dan IV

21. Apakah fungsi-fungsi yang boleh dilancarkan oleh 'Windows Explorer' dalam sistem Windows 95?
- I menama semula fail
 - II menghapuskan fail
 - III melancarkan sebarang program
 - IV melayari WWW
- A. II, III dan IV
 - B. I dan III
 - C. I, II dan III
 - D. I, II, III dan IV
22. Yang manakah di antara berikut merupakan kualiti yang perlu dipunyai oleh Sekolah Bestari?
- I Menyediakan kurikulum yang serba lengkap untuk setiap individu pelajar yang berbeza dari segi kebolehan
 - II Mempunyai sistem penilaian yang berterusan untuk menyokong pengajaran yang baik
 - III Memiliki pengetua dan guru-guru serta berkelayakan profesional dalam bidang teknologi maklumat
 - IV Mendapat sokongan dan kerjasama daripada kaum ibu bapa dan komuniti setempat
- A. I dan II
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
23. World Wide Web (WWW) ialah satu sistem hipermedia yang menyediakan kemudahan untuk mencari dan memperolehi sebarang sumber maklumat yang terdapat dalam Internet. Pilih pernyataan-pernyataan yang **benar** mengenai WWW.
- I WWW hanya boleh dilayari dengan program Netscape
 - II WWW menggunakan konsep hiperteks
 - III WWW diuruskan oleh Syarikat Microsoft
 - IV WWW berupaya memaparkan video
- A. I, II, III dan IV
 - B. I dan II
 - C. I dan III
 - D. II dan IV

... 8/-

24. Yang manakah di antara berikut ialah sistem pengoperasian cakera?

- I Windows 95
- II MS-DOS
- III OS/2
- IV Windows 3.1

- A. I, II, III dan IV
- B. I, II, III
- C. I, III, IV
- D. II dan III

25. Antara berikut yang manakah **benar** mengenai DOS?

- I Arahan Format boleh menghapuskan virus komputer
- II Arahan CD adalah untuk membersihkan skrin
- III Arahan MD adalah untuk mencipta satu direktori baru
- IV Arahan Format akan memadamkan dan menghapuskan semua data dan fail

- A. I, II, III dan IV
- B. I, II, IV
- C. I, III, IV
- D. III dan IV

26. Pertumbuhan Internet yang pesat telah mewujudkan cara baru untuk berkomunikasi. Antara berikut yang manakah **benar** tentang Internet?

- I Internet diuruskan oleh syarikat Microsoft
- II Internet ialah suatu rangkaian yang menghubungkan komputer-komputer di merata tempat di dunia
- III Boleh digunakan untuk pendidikan jarak jauh
- IV Penghantaran dan pengiriman maklumat lebih pantas dan murah

- A. I, II, III dan IV
- B. II, III dan IV
- C. III dan IV
- D. I, II dan III

...9/-

27. Pernyataan-pernyataan yang manakah **benar**?
- I HTML ialah sejenis bahasa pemrograman
 - II HTTP merupakan protokol utama yang digunakan untuk memindah alih maklumat yang diperlukan antara komputer
 - III Hiperteks membolehkan kita melihat halaman yang berkaitan dengan cara mengklik butang atau ikon
 - IV E-mel Internet adalah lebih berbentuk multimedia berbanding dengan WWW
- A. I, II, III dan IV
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I, II dan III
28. Antara berikut yang manakah **benar** tentang komputer?
- I Komputer generasi pertama menggunakan transistor
 - II Komputer generasi kedua menggunakan tiub vakum
 - III Komputer generasi ketiga menggunakan litar bersepadu
 - IV Transistor tidak mudah terbakar seperti tiub vakum
- A. I, II, III dan IV
 - B. I dan II
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
29. Antara berikut yang manakah **benar** tentang sistem rangkaian komputer?
- I Rangkaian Kawasan Tempatan (LAN) bermaksud merangkaikan komputer-komputer melalui kabel dalam jarak yang terhad
 - II Rangkaian Kawasan Luas (WAN) memerlukan modem dan satelit
 - III Rangkaian Kawasan Bergerak memerlukan kabel yang panjang untuk merangkaikan komputer-komputer
 - IV Sistem rangkaian komputer membolehkan bahan-bahan perisian dikongsi
- A. I, II, III dan IV
 - B. I, II dan IV
 - C. III dan IV
 - D. I, II dan III

30. Pernyataan yang manakah benar tentang Windows 95?

- I Windows 95 ialah satu sistem pengoperasian yang lengkap
 - II Berupaya melakukan penugasan berbilang
 - III Microsoft Windows 95 tidak perlu menggunakan pengurus antara-muka grafikal
 - IV Melalui penggunaan tetikus, program dan fail dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan cepat.
-
- A. I, II, III dan IV
 - B. I, III dan IV
 - C. II dan III
 - D. I, II dan IV

BAHAGIAN B : (Soalan Esei)

Jawab mana-mana **SATU** soalan dalam bahagian ini.

2. (a) Huraikan bagaimana penggunaan perisian Pembelajaran Berasaskan Komputer (PBK) Multimedia mod tutorial lebih berkesan daripada buku teks? (30 markah)
- (b) Huraikan kriteria-kriteria penilaian yang boleh dijadikan panduan untuk menilai perisian-perisian PBK multimedia ? (30 markah)
3. (a) Huraikan langkah-langkah yang patut diamalkan untuk mengelakkan komputer daripada diserangi virus. (20 markah)
- (b) Sistem pendidikan akan mengalami perubahan berikutan dengan perkembangan teknologi komputer dan telekomunikasi. Bincangkan bagaimana komputer dan internet boleh membantu guru melaksanakan tugas dengan lebih berkesan. (40 markah)

- oooOooo -

